

12.8.2 Hanya Kerajaan yang boleh mentafsirkan apa yang dimaksudkan dengan "kepentingan negara", "polisi negara" dan "keselamatan negara", dan ianya tidak boleh dipertikaikan.

12.8.3 Kesan-kesan penamatan jika penamatan kontrak di bawah klausa 52.1²⁵ seperti berikut:

- (i) Obligasi bayaran termasuk segala kos dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan kontraktor hendaklah ditentukan berdasarkan klausa 54; dan
- (ii) Klausa 51.1(c)(i) dan klausa 51.1(c)(ii)(B) dan (C)²⁶ hendaklah digunapakai.

12.9 Penamatan Akibat Rasuah

12.9.1 Penamatan akibat rasuah boleh dilakukan sekiranya Kontraktor melakukan perkara berikut:

- (a) Kontraktor sama ada pegawai, kakitangan, ejen, pekerja atau mana-mana subkontraktor, memberi atau menawarkan rasuah, hadiah, saguhati atau komisen sebagai dorongan atau hadiah; atau
- (b) Untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa tindakan yang ada hubungan dengan kontrak atau lain-lain kontrak kerajaan; atau
- (c) Untuk menunjukkan atau menahan diri dari menunjukkan pilih kasih kepada seseorang yang ada hubungan dengan kontrak ini atau lain-lain kontrak kerajaan.

12.9.2 Pegawai Yang Diberi Kuasa di dalam Lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak berhak menamatkan kontrak pada bila-bila masa secara bertulis kepada kontraktor.

²⁵ P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Termination (Default Of Obligation)

²⁶ P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Consequences of Termination (Default Of Obligation)